

BAB LIMA : RUMUSAN KAJIAN DAN SARANAN

5.1 Pendahuluan

Bab lima merupakan bab penutup kajian ini. Bab ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu; rumusan kajian dan saranan-saranan bagi meningkatkan lagi kualiti AJKPM. Bahagian pertama bab ini menjelaskan tentang rumusan keseluruhan kajian yang berjudul; perwakilan autoriti dalam proses perancangan: kajian di institusi masjid Bahagian Sri Aman. Bahagian kedua bab ini pula menjelaskan tentang saranan-saranan yang diperolehi hasil daripada penyelidikan ini. Saranan-saranan tersebut berkaitan dengan peranan AJKPM, perwakilan autoriti, proses perancangan yang sistematik dan sebagainya.

5.2 Rumusan Kajian

Institusi masjid merupakan rumah Allah s.w.t. yang mempunyai pelbagai fungsi seperti pembentukan individu hinggalah kepada pembentukan sesebuah tamadun. Melalui masjid, pelbagai acara dan aktiviti dilakukan sama ada berkaitan ibadah ritual mahupun urusan peperangan dan kenegaraan. Di masjid juga, Rasulullah s.a.w. mengembangkan ajaran Islam dan pengaruh baginda sehingga membentuk tamadun ilmu yang agung.

Di Bahagian Sri Aman, terdapat lapan buah masjid yang dibina untuk kemudahan dan kepentingan masyarakat Islam. Kesemua masjid tersebut mempunyai AJKPM masing-masing. Empat buah daripada masjid tersebut bernaung di bawah LAKIS dan empat buah masjid lagi diurus tadbir secara persendirian oleh AJKPM. Kesemua lapan buah masjid ini mendapat bantuan serta sokongan daripada badan kerajaan dan swasta seperti JAIS, PAIB Sri Aman, JAKIM, Pejabat Residen, Pejabat Daerah dan lain-lain. Bantuan dan sokongan tersebut bukanlah sekadar sumbangan kewangan, malahan ia melibatkan bantuan khidmat nasihat, bimbingan, pemantauan, projek membaik pulih masjid, pembelian barangan kelengkapan masjid dan sebagainya.

Walaupun AJKPM sering mendapat bantuan daripada individu dan pihak tertentu, namun ia tidak mampu menjadikan institusi masjid cemerlang sekiranya AJKPM tidak memanfaatkan sepenuhnya autoriti yang ada bagi membentuk perancangan yang lebih baik. Sehubungan itu, AJKPM hendaklah memahami konsep perwakilan autoriti dan proses perancangan dengan jelas. Autoriti yang dimiliki sama ada secara formal ataupun tidak formal merupakan hak untuk bertindak, membuat keputusan dan hak untuk mengarah orang lain. Secara tidak langsung, ia membolehkan seseorang bertanggungjawab ke atas tindakannya. Autoriti diperolehi melalui lima sumber iaitu kuasa sah, kepakaran, rujukan, ganjaran dan paksaan.

Perwakilan autoriti merujuk kepada kuasa daripada pihak atasan yang bertujuan untuk mewujudkan satu bentuk perkhidmatan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Ia memberi seseorang hak untuk mempertanggungjawabkan individu lain melakukan

tugas tertentu dan juga hak untuk membuat keputusan tentang penggunaan sumber organisasi. Perwakilan autoriti membenarkan pihak pengurusan pertengahan dan bawahan membuat keputusan segera yang berkaitan dengan urusan rutin organisasi. Pihak pengurusan pertengahan dan bawahan juga bertanggungjawab di atas tindakan mereka sama ada ianya membawa risiko ataupun keuntungan. Proses ini melibatkan tiga langkah iaitu; menugaskan tanggungjawab kepada subordinat, memberi sebahagian autoriti dan mewujudkan kebertanggungjawapan kepada subordinat.

Sementara itu, selaras dengan Ordinan MIS 2001, AJKPM hendaklah mendapatkan kuasa sah untuk mengurus dan mentadbir masjid dengan mendaftar AJKPM tersebut kepada MIS. Melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh MIS, aliran perwakilan autoriti yang berlaku di institusi masjid di Bahagian Sri Aman menggambarkan satu rangkaian penurunan yang teratur. Dengan ini, KNS berada di puncak kuasa menurunkan autoriti kepada AJKPM melalui MIS, JAIS, PAIB Sri Aman dan seterusnya kepada Pegawai Naqib.

AJKPM yang telah berdaftar bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program pengimarahannya dan mengurus hal ehwal masjid. Bagi memastikan AJKPM memanfaatkan sepenuhnya autoriti yang diberi, pihak terlibat seperti JAIS dan JAKIM sering menganjurkan program-program pemantapan untuk AJKPM. Namun, program pemantapan pengurusan masjid tersebut terhad kepada prosedur-prosedur pentadbiran sahaja. Melalui program ini, AJKPM dijelaskan tentang tanggungjawab dan peranan mereka dalam pentadbiran masjid seperti prosedur perantikan Pegawai Masjid dan

pendaftaran AJKPM, kebenaran mendirikan Solat Jumaat, penamatan perkhidmatan Pegawai Masjid, perlantikan Guru Takmir dan lain-lain lagi. Program pengukuhan tersebut juga menjelaskan tentang prosedur kewangan, permohonan membaik pulih masjid atau surau dan permohonan membina masjid atau surau baru.

Menurut responden yang terlibat secara langsung dengan pengurusan masjid, kebanyakan program pengukuhan yang telah dianjurkan adalah berbentuk pengulangan kepada siri-siri sebelumnya. Dengan ini, penjelasan tentang manfaat autoriti dan tanggungjawab serta peranan AJKPM untuk membentuk perancangan program pengimarahannya masjid yang menarik diabaikan. Secara tidak langsung, ia mengakibatkan pengamalan autoriti di kalangan AJKPM di Bahagian Sri Aman kurang memuaskan.

Walaupun AJKPM mempunyai autoriti yang luas untuk membentuk program pengimarahannya dan mereka merupakan wakil kepada KNS di peringkat akar umbi, namun AJKPM cenderung memanfaatkan autoriti tersebut dalam perkara yang berkaitan dengan prosedur pentadbiran. Hal ini terbukti apabila pemilihan calon untuk AJKPM berdasarkan rasa hormat, ketuaan, kedudukan dalam masyarakat dan sering berjemaah di masjid. Autoriti untuk merancang program-program pengimarahannya juga tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana mereka lebih cenderung menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk pengulangan seperti melaksanakan tidak kurang daripada 14 aktiviti dalam setahun, namun keberkesanan aktiviti tersebut kurang memuaskan.

Pembentukan perancangan yang sering diamalkan oleh AJKPM di Bahagian Sri Aman adalah berdasarkan kata kunci “Apa, Siapa, Bagaimana dan Bila” serta berpandukan kepada program-program yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya. Justeru itu, AJKPM membentuk perancangan dengan menggunakan enam langkah iaitu mengadakan mesyuarat, menetapkan aktiviti, menetapkan kaedah pelaksanaan, menetapkan tarikh pelaksanaan, membahagikan tugas dan akhir sekali ialah pelaksanaan pada tarikh yang telah ditetapkan. Proses pembentukan perancangan yang sering diamalkan oleh kebanyakan AJKPM di Bahagian Sri Aman adalah berbentuk perancangan tidak formal dan tidak sistematik.

AJKPM lebih cenderung membentuk perancangan berdasarkan program-program yang telah dijalankan pada tahun sebelumnya. Perancangan tersebut telah mengabaikan asas-asas penting seperti pembentukan objektif, analisis, pemilihan strategi, pelaksanaan dan kawalan. Kesan daripada sistem perancangan tersebut menjadi sebab kaedah dan pelaksanaan perkhidmatan masjid sentiasa berulang pada setiap tahun. Secara tidak langsung, ia menjadi salah satu faktor penyebab institusi masjid gagal menjadi pusat pembangunan masyarakat kerana gagal menghasilkan perkhidmatan-perkhidmatan yang mempunyai daya saing, tiada tambah nilai dan tiada kepelbagaian bagi menarik minat masyarakat yang terdiri daripada pelbagai jenis latar belakang dan kemahuan.

Hal ini berbeza dengan Masjid Bandar Sri Aman, apabila mereka berjaya menganjurkan aktiviti dengan kaedah yang pelbagai. Ia menunjukkan bahawa Masjid Bandar Sri Aman berjaya memanfaatkan autoriti yang ada pada mereka untuk

membentuk perancangan yang sistematik bagi melaksanakan program-program pengimarahannya masjid. Perkara ini diperakui oleh kakitangan kerajaan dan bukan kerajaan, apabila mereka menyatakan bahawa kunci utama kejayaan Masjid Bandar Sri Aman adalah bergantung pada pengamalan autoriti yang baik dan penggunaan perancangan yang sistematik. Ia membantu Masjid Bandar Sri Aman menarik minat masyarakat ke masjid dengan perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing.

Secara keseluruhannya, perwakilan autoriti daripada KNS kepada AJKPM di Bahagian Sri Aman berjalan dengan baik dan mengikut prosedur-prosedur sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Kaedah Pengurusan Masjid dan Surau Negeri Sarawak 2005. Namun, kebanyakan AJKPM di Bahagian Sri Aman tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya autoriti yang diberikan kepada mereka untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dan berdaya saing. Hal yang demikian disebabkan oleh tiga faktor utama iaitu; pertama: keberkesanan sistem penyampaian maklumat berkenaan dengan peranan AJKPM. Kebanyakan program pengukuhan yang dianjurkan hanya menekankan penjelasan berkaitan dengan prosedur-prosedur pentadbiran seperti proses perlantikan, kewangan dan lain-lain. Bengkel atau kursus yang dianjurkan juga berbentuk pengulangan pada setiap tahun.

Kedua: kebanyakan AJKPM tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman. Ahli yang dilantik untuk menganggotai AJKPM seharusnya bukan sahaja mempunyai kuasa sah, malahan perlu juga memiliki kuasa lain seperti kepakaran, rujukan dan kebolehan untuk memimpin. Kebanyakan ahli kariah atau masyarakat kampung mengabaikan

faktor-faktor ini dalam proses pemilihan calon AJKPM. Ketiga: AJKPM lebih cenderung menggunakan perancangan yang tidak sistematis bagi merangka program-program pengimarah masjid. AJKPM sering mengambil jalan mudah dengan menyalin keseluruhan bentuk program tahun sebelumnya untuk dilaksanakan dalam tahun semasa sama ada dari segi tema, strategi dan pelaksanaan program tersebut. Dengan ini, ia mengakibatkan berlakunya pengulangan aktiviti pada setiap tahun di institusi masjid di Bahagian Sri Aman.

Oleh yang demikian, pihak yang terlibat seperti JAKIM, JAIS dan PAIB Sri Aman hendaklah mengambil tindakan seperti membentuk sistem penyampaian maklumat yang berkesan berkenaan dengan autoriti yang diberi. Penjelasan tersebut hendaklah melibatkan semua AJKPM. Hal ini termasuklah perkara-perkara yang berkaitan dengan pembentukan program pengimarah masjid dan pelaksanaannya. Dengan ini, ia diharap dapat menghilangkan kekeliruan dan kesamaran di kalangan AJKPM dalam menjalankan tugas mereka serta dapat membantu AJKPM membentuk sistem perancangan yang lebih efektif dan sistematis.

5.3 Saranan

Hasil daripada penyelidikan yang dilakukan, terdapat beberapa saranan yang perlu diambil kira oleh pihak yang terlibat atau individu yang ingin menjalankan kajian lanjut berkenaan institusi masjid. Saranan ini bertujuan untuk memperbaiki sistem yang terdapat di institusi masjid seperti penjelasan tentang peranan AJKPM, perwakilan autoriti, proses perancangan yang sistematik dan sebagainya. Saranan ini bukannya bermaksud untuk menafikan usaha yang telah dijalankan oleh pihak yang terlibat. Tetapi, ia hanyalah cadangan untuk penambahbaikan kepada usaha-usaha yang telah dilakukan bagi memastikan institusi masjid menjadi jantung dan penggerak masyarakat.

5.3.1 Seminar Atau Kursus Berkenaan Manfaat Autoriti AJKPM

AJKPM yang telah mendapat perlantikan daripada MIS merupakan agensi pelaksana di peringkat akar umbi. Oleh itu, mereka hendaklah dijelaskan secara terperinci tentang peranan dan tanggungjawab autoriti yang ada pada AJKPM untuk membentuk perancangan program pengimaran masjid. Realiti yang berlaku pada AJKPM selama ini menunjukkan mereka hanya memanfaatkan sepenuhnya autoriti untuk melaksanakan tugas-tugas dalam bidang pentadbiran seperti pembayaran bil, pengurusan kewangan, perlantikan Pegawai Masjid, perlantikan semula dan lain-lain lagi.

Penjelasan berkenaan manfaat autoriti yang terdapat pada AJKPM hendaklah melibatkan tentang kebebasan yang ada pada mereka untuk melaksanakan segala aktiviti yang mendatangkan faedah kepada semua masyarakat. Ini kerana, panduan pelaksanaan autoriti pengimarahannya yang terdapat pada AJKPM adalah terlalu umum, iaitu pengimarahannya secara tahunan, berkala dan mingguan, atau mengadakan aktiviti pengimarahannya sempena sambutan hari kebesaran Islam atau apa-apa aktiviti yang diarahkan oleh MIS atau PAIB Sri Aman dari semasa ke semasa. Sedangkan, AJKPM sebenarnya mempunyai autoriti untuk merangka dan melaksanakan aktiviti di luar hari kebesaran Islam atau untuk sesuatu sambutan tertentu. AJKPM juga mempunyai autoriti untuk menukar kaedah atau strategi pelaksanaan program bagi menarik masyarakat ke masjid.

5.3.2 Menjelaskan Peranan Jawatankuasa Pengurusan Masjid Kepada Semua Ahli.

Realiti yang berlaku pada hari ini ialah kegagalan AJKPM yang telah menghadiri seminar, konvensyen dan bengkel pengurusan masjid menjelaskan peranan dan tanggungjawab AJKPM kepada semua ahli. Konvensyen, seminar dan bengkel pengurusan masjid yang dianjurkan oleh pihak yang terbabit hanya menjemput Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari sahaja. Secara tidak langsung hanya mereka bertiga dijelaskan tentang peranan dan tanggungjawab AJKPM.

Kegagalan menjelaskan peranan dan tanggungjawab AJKPM kepada semua ahli mengakibatkan berlakunya salah faham di kalangan AJKPM. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa faktor seperti ahli anggota yang dijemput tidak memahami atau tidak dapat mencerna segala input yang diberikan kepada mereka. Dengan ini, anggota yang hadir hanya mampu menyampaikan tanggungjawab AJKPM berdasarkan kefahaman mereka. Bagi mengelak berlakunya salah faham, pihak yang terlibat hendaklah memastikan setiap anggota masjid diberikan penjelasan dan pendedahan tentang bidang tugas serta peranan masing-masing. Ia boleh dilakukan dengan cara mengadakan bengkel kepada setiap AJKPM atau Pegawai Naqib mengadakan taklimat untuk menjelaskan peranan AJKPM.

Dengan adanya penjelasan yang terperinci tentang peranan dan tanggungjawab AJKPM sebagai seorang Islam dan sebagai individu yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus serta mentadbir masjid, ia dijangka dapat melahirkan tenaga kerja separuh mahir dan beramanah diperingkat akar umbi. Di samping itu, ia juga mampu membentuk kawalan dalaman di kalangan AJKPM agar sentiasa berkhidmat untuk memakmurkan institusi masjid, berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan masjid dan berusaha untuk mengubah penampilan diri agar bersesuaian dengan institusi masjid. Dengan ini, ia secara tidak langsung mampu memartabatkan Islam dalam kehidupan mereka dan membantu untuk menyebarkan dakwah Islam.

5.3.3 Mempelbagaikan Perkhidmatan Institusi Masjid.

Kegagalan institusi masjid menjadi penggerak masyarakat disebabkan oleh kesilapan yang berlaku ketika memilih strategi dan kaedah yang harus digunakan. Di samping itu, ia juga disebabkan oleh salah faham masyarakat terhadap Islam dan peranan institusi masjid. Kedua-dua faktor ini menjadi halangan utama untuk mempelbagaikan program pengimarahannya kerana AJKPM dan masyarakat beranggapan hanya aktiviti keagamaan dan ibadah ritual sahaja yang layak dijalankan di masjid.

Agensi kerajaan seperti JAIS, JAKIM, PAIB dan TBS hendaklah berperanan untuk menerapkan kefahaman Islam yang sebenar kepada AJKPM dan mendedahkan kepada mereka tentang strategi serta kaedah yang berkesan untuk program pengimarahannya masjid. Institusi masjid bukanlah sekadar menjadi tempat untuk pembangunan modal insan dan pembentukan kerohanian masyarakat semata-mata, bahkan institusi masjid juga berperanan sebagai pusat pembangunan material. Anggapan bahawa Islam dan masjid tidak berkaitan dengan urusan dunia dan hanya berkaitan urusan akhirat menyebabkan AJKPM cenderung menganjurkan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan dan kerohanian sahaja. Kaedah pelaksanaannya pula hanyalah dalam bentuk ceramah atau syarahan dan kelas-kelas pengajian agama.

Pemilihan strategi yang tepat serta kefahaman yang betul terhadap Islam dan masjid, mampu mempelbagaikan perkhidmatan yang ditawarkan kepada masyarakat. Institusi masjid disarankan agar mengadakan sesi ceramah ekonomi menurut Islam,

kewangan, kesihatan, pekerjaan dan sebagainya dengan mempelbagaikan kaedah penyampaian seperti paparan skrin serta dibekalkan dengan nota-nota. Pemilihan strategi juga melibatkan penjenamaan semula perkhidmatan masjid seperti ceramah kesihatan digantikan dengan taklimat kesihatan, ceramah pembangunan kampung digantikan dengan diskusi atau dialog pembangunan kampung serta ceramah Israk dan Mikraj ditukarkan kepada pengkisahan malam Israk dan Mikraj.

Kepelbagaian program masjid juga boleh dilakukan dengan mengadakan program-program seperti deklamasi puisi pada malam Israk dan Mikraj, seminar perubahan mentaliti masyarakat sempena sambutan Maal Hijrah, pertandingan kuiz dan pertandingan bolasepak jalanan sempena sambutan hari kesihatan sedunia, pesta pantun dan selawat sempena Maulidur Rasul serta diskusi alam pekerjaan menurut Islam sempena hari pekerja.

5.3.4 Memperbanyakkan Program Usahasama atau Kerjasama.

Kegagalan AJKPM mempelbagai dan memperbanyakkan perkhidmatan masjid disebabkan oleh faktor kewangan dan sumber tenaga mahir. Namun, kedua-dua faktor ini bukanlah menjadi alasan untuk menjalankan program keagamaan sahaja dan bergantung harap kepada agensi-agensi Islam bagi menjalankan program pengimarahannya. Kepelbagaian dalam perkhidmatan institusi masjid masih boleh dilakukan dengan mengadakan usahasama dengan agensi-agensi lain seperti Pejabat Residen, Pejabat

Daerah, Kementerian Belia Dan Sukan, Jabatan Pendidikan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Institusi Kewangan dan lain-lain lagi.

Melalui autoriti yang terdapat pada AJKPM, mereka boleh menjalinkan kerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan. PAIB, JAKIM dan TBS pula berperanan sebagai orang tengah antara AJKPM dengan agensi kerajaan yang lain. Hasil daripada pakatan strategik tersebut dijangka mampu menghasilkan produk atau perkhidmatan baru yang lebih berdaya saing dan menarik. Dengan adanya program usahasama ini, pihak AJKPM boleh mengambil manfaat untuk melahirkan tenaga mahir, mewujudkan tambah nilai bagi perkhidmatan yang sedia ada dan menimba pengalaman daripada agensi-agensi yang terlibat dalam program tersebut.

Walaupun AJKPM tidak mempunyai sumber kewangan dan tenaga mahir untuk menganjurkan program-program seperti seminar kewangan, pembangunan ekonomi, pembangunan kampung, pendidikan, pengetahuan umum tentang dasar-dasar negara atau negeri, kempen-kempen pembangunan masyarakat seperti bahaya penggunaan barangan tiruan, kesihatan, keselamatan di jalanraya, bahaya amalan riba atau ceti dan sebagainya. Namun, melalui kerjasama antara JAIS, PAIB, JAKIM, TBS dan AJKPM dengan agensi kerajaan yang berkaitan, mereka mampu menjadikan institusi masjid sebagai sumber informasi kepada masyarakat.

5.3.5 Mekanisme Penilaian Keberkesanan Perkhidmatan Masjid.

Kecemerlangan sesebuah masjid bukanlah diukur kerana terdapat banyaknya program yang dianjurkan. Bagi menentukan AJKPM yang cemerlang atau aktif, ia hendaklah dinilai pada keberkesanan program yang dianjurkan dan bukannya jumlah aktiviti yang dijalankan. Jika jumlah aktiviti dikira untuk menentukan kecemerlangan AJKPM, sedangkan jumlah kehadiran jemaah terlalu kecil jika dibandingkan dengan jumlah keseluruhan ahli kariah ataupun jemaah yang hadir merupakan orang yang sama, ia sebenarnya dikategorikan sebagai aktif menjalankan aktiviti dan bukannya dikategorikan sebagai masjid yang berjaya atau cemerlang.

Di samping itu, kebanyakan AJKPM dan masyarakat umum menilai keberkesanan program dengan merujuk kepada jumlah kehadiran masyarakat ke masjid. Program pengimarahannya dikatakan berkesan jika jumlah kehadiran ahli kariah menggalakkan dan jika berlaku sebaliknya, AJKPM bertanggungjawab program tersebut tidak berkesan. Kemungkinan sambutan yang menggalakkan daripada ahli kariah adalah hasil daripada kecekapan promosi. Seandainya tidak mendapat sambutan daripada ahli kariah, kemungkinan ia disebabkan oleh kegagalan promosi melaksanakan tugasnya.

Oleh yang demikian, pihak yang terlibat dengan institusi masjid seperti JAIS, PAIB, JAKIM dan TBS adalah disaran agar membentuk satu mekanisme baru dan khusus untuk mengukur keberkesanan program pengimarahannya yang dijalankan di masjid-masjid. Penilaian berdasarkan jumlah aktiviti dan kehadiran amat mengelirukan kerana matlamat

sebenarnya sesuatu program adalah untuk membangunkan masyarakat dengan nilai-nilai Islam. Penilaian hendaklah berdasarkan kepada kesan program pengimaran masjid dalam membentuk dan mempengaruhi kehidupan masyarakat untuk mengamalkan Islam.

Sistem penilaian seperti ini dapat membantu AJKPM mencari kelemahan dalam setiap program dan memperbaiki kelemahan tersebut dengan cara meningkatkan mutunya ataupun menghapuskannya untuk digantikan dengan program yang lain. Secara tidak langsung, penilaian keberkesanan program masjid dapat mengelak dari berlakunya pengulangan aktiviti dan mampu mewujudkan daya saing dalam perkhidmatan mereka.

5.3.6 Kajian Penilaian Dan Pembangunan Perkhidmatan Masjid.

Lantaran menyedari keterbatasan kajian ini, penyelidik mencadangkan agar kajian lanjut berkenaan dengan penilaian dan pembangunan perkhidmatan masjid hendaklah dilakukan. Ia bertujuan untuk mengenal pasti bentuk perkhidmatan masjid yang lebih berdaya saing dan mampu menarik lebih ramai ahli kariah. Dalam erti kata lain, perkhidmatan institusi masjid harus dianalisis bagi mengenal pasti kelemahan dan kekurangan yang wujud serta untuk membentuk kuasa tarikan baru atau tambah nilai.

Penyelidikan berkaitan dengan pembangunan perkhidmatan masjid hendaklah berkisar kepada mencari kelemahan dan kekurangan untuk diperbaiki serta mengenal pasti peluang-peluang yang boleh dimanfaatkan. Kita sedia maklum bahawa, kebanyakan

aktiviti-aktiviti masjid hanyalah berkisar kepada hari-hari kebesaran Islam, ibadah-ibadah khusus dan sambutan perayaan Islam. Aktiviti tersebut dilakukan dengan kaedah yang sama semenjak berpuluh tahun yang lampau dan isi syarahan yang hampir sama pada setiap tahun. Dengan ini, masyarakat kampung sering dipersalahkan kerana tidak hadir ke masjid, walhal mereka sebagai pengguna mempunyai hak masing-masing untuk menentukan perkhidmatan yang mereka inginkan.

Strategi penambahbaikan dan pembangunan produk atau perkhidmatan baru bukanlah asing dalam pasaran sekarang. Kerana setiap organisasi berusaha untuk menguasai pasaran dan menarik seramai mungkin pengguna untuk melanggan produk atau perkhidmatan mereka. Sebagai contoh, pembayaran zakat secara manual ditambahbaik dengan pembayaran dilakukan di mesin ATM dan melalui internet. Seterusnya syarikat kenderaan negara memperkenalkan Waja Campro bagi penambahbaikan kepada model Waja dan kemudiannya memperkenalkan Exora sebagai tambah nilai dalam perkhidmatan mereka.

Oleh yang demikian, kajian berkenaan dengan penilaian dan pembangunan perkhidmatan masjid hendaklah dilakukan bagi mencari perkhidmatan baru atau menyediakan penambahbaikan. Perkara ini disebabkan perkhidmatan yang sedia ada kebanyakannya telah melalui tempoh matang dan ianya memerlukan proses penambahbaikan atau mewujudkan perkhidmatan baru bagi menggantikannya.

5.4 Kesimpulan

Kajian berhubung perwakilan autoriti dalam proses perancangan di institusi masjid Bahagian Sri Aman ini berjaya mencapai objektif umum dan khusus sebagaimana yang telah ditetapkan. Objektif pertama kajian ini iaitu memahami konsep autoriti dan perwakilannya serta proses perancangan berjaya dihuraikan secara terperinci. Huraian tersebut berkenaan dengan definisi autoriti, bentuk autoriti, sumber autoriti dan kaedah perwakilannya yang dikaitkan dengan konsep Islam. Bagi objektif kedua pula, kajian ini berjaya mengenal pasti aliran proses perwakilan autoriti daripada KNS, MIS hingga ke AJKPM. Setiap prosedur perwakilan tersebut dan agensi yang terlibat turut dibincangkan bersama. Manakala program-program pengimarahannya yang sering dianjurkan oleh AJKPM juga dihuraikan berberdasarkan aktiviti mingguan, berkala dan bulanan. Seterusnya, objektif ketiga kajian ini juga berjaya dicapai dengan menganalisis secara terperinci berhubung maklumbalas dari pengerusi atau wakil pengerusi masjid, kakitangan kerajaan dan swasta. Kebanyakan maklumbalas tersebut menjelaskan tentang kekurangan dan kelebihan yang terdapat dalam proses perwakilan autoriti seperti peranan PAIB Sri Aman, bidang kuasa AJKPM, program pengukuhan pengurusan masjid, proses perlantikan Pegawai Masjid, pemilihan calon AJKPM. Kajian ini juga menghuraikan tentang kecenderungan AJKPM memanfaatkan autoriti dalam bentuk pentadbiran sahaja, sedangkan autoriti bagi merancang program pengimarahannya tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Dengan ini, bagi meningkatkan martabat institusi masjid beberapa saranan dan cadangan hasil daripada penyelidikan ini telah dikemukakan. Antara saranan tersebut adalah berkaitan dengan sistem yang terdapat di institusi masjid seperti penjelasan

tentang peranan AJKPM, perwakilan autoriti, proses perancangan yang sistematik dan kajian lanjut yang perlu dilakukan. Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mengenal pasti realiti perwakilan autoriti dan amalannya bagi membentuk perancangan program pengimarahannya institusi masjid di Bahagian Sri Aman.